

APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 12/2023

EDITORIAL BOARD

PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

COORDINATOR

Nur Faathinah Mohammad Roshdan

CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

EDITORIAL COMMITTEE

Ooi Sing Ee

Khairon Nisa Shafeei

Shahrul Muhazad Shahrudin

March to October 2023

IMAM KAMPUNG

Ditulis oleh: Zailani bin Shafie, Razifah bt Othman, Fatin NurSyakirah bt Zailani

Latarbelakang

Sukarnya untuk mendapatkan seorang imam kampung pada hari ini. Jawatan yang dihormati, mulia, dan disegani kini tidak lagi menjadi rebutan. Beruntung bagi masjid-masjid kampung yang mempunyai imam yang komited dan terserlah keikhlasannya. Seorang imam diiktiraf masyarakat sebagai ilmunan agama yang menjadi tempat rujukan dan yang biasanya adalah dari kalangan orang-orang alim kampung setempat. Seorang imam boleh menjadi komited apabila mempunyai latarbelakang bekerja sendiri samada berniaga ataupun seorang penoreh getah atau kemungkinan juga dari seorang pesara kerajaan / swasta. Jawatan yang diperlukan hanya dengan prasyarat minimum mempunyai minat berserta mempunyai sedikit latarbelakang agama.

Hari ini zaman telah berubah, limpahan kepesatan pembangunan negara menjadikan kampung juga turut berubah. Bilangan penduduk kian bertambah dan peranan serta tanggungjawab juga turut bertambah untuk digalas oleh seorang imam kampung. Jawatan imam kampung tidak lagi menjadi rebutan malahan sukar untuk diisi. Jawatan Imam kampung hanyalah dibayar elaun sebagai tambahan dari pekerjaan yang mereka sedia ada, bukanlah berjawatan tetap dan berpencen. Ahli kariah lebih memilih mencari pendapatan yang lebih tinggi bagi menyara keluarga mereka serta mencari pekerjaan yang boleh menjamin dimasa hadapan.

Ramai anak kampung kini yang mempunyai lulusan agama tetapi sukar untuk mencari seorang anak jati kampung yang boleh bekerja secara sukarela dan Ikhlas,

istiqamah dan sentiasa bersedia tidak kira masa demi berkhidmat kepada masyarakat.

Rutin seorang imam itu adalah wajib hadir mengimamkan solat lima waktu di masjid serta boleh bersama bagi setiap semua aktiviti masjid yang diadakan. Imam juga diperlukan untuk sentiasa bersama masyarakat terutama bila dalam program-program rasmi membaca doa di majlis-majlis Bersama masyarakat dan pemimpin, apabila ada kematian dan kenduri-kendara dan seumpamanya.

Imam Masjid dan program “masyuukk”

Imam kampung hari ini lebih berminat hadir kemajlis yang boleh membawa pulangan wang tunai segera (masyuukk) berbanding dengan untuk hadir solat berjemaah lima waktu sepenuh masa di masjid, jarang juga hadir di dalam program ilmu mingguan yang diadakan, banyak alasan yang sentiasa diberikan. Imam dan kumpulan pegawai syarak sepatutnya menjadi pelaksana kepada apa sahaja program masjid kerana mereka di bayar elaun tetapi sebaliknya pula program-program masjid terpaksa diatur dan disusun oleh sukarelawan jawatankuasa masjid tanpa gaji untuk melaksanakannya.

Pendapatan dari elaun jumlahnya tidak sampai seribu ringgit sebulan tetapi termasuk yang ditambah dengan sumbangan dari hasil pendapatan masjid menjadikan keseluruhan pendapatan imam akan menjadi dianggarkan sebanyak seribu lima ratus ringgit, adakah puncanya atas sebab hambatan kewangan atau ketidakupayaan ilmu atau atas sebab-sebab lain yang belum diketahui menjadi puncanya.

Biasanya imam yang bermasalah hari ini adalah kerana mereka bergantung dari hasil sepenuhnya pendapatan elaun menjadi imam. Mereka biasanya akan bekerja bagi mendapatkan pendapatan tambahan dengan membuat pekerjaan sampingan dan

akhirnya program-program masjid dianak tirikan.

Kadang-kadang imam boleh hadir kenduri terutamanya di musim cuti sekolah tetapi tidak hadir ke masjid untuk mengimamkan solat berjemaah. Kadang-kadang lebih teruk lagi ramai yang nampak imam menjamu teh di kedai-kedai makan berhampiran semasa azan sedang berkumandang. Terdengar suara sindirian yang menyatakan selain dari tukang buat nisan yang berdoa untuk orang meninggal dunia, imam juga turut berdoa dengan perkara yang sama, malahan membaca doa dan talkin imam akan diberi wang tunai segera.

Bahayanya bila tangkap-muat melantik imam hanya sekadar kerana dahulunya menjadi jemaah yang tekun tetapi tidak diselidiki latar belakang dan sikap sebenar jati diri mereka. Ada imam berlaga angin sesama mereka kerana sikap kerja berkira dan kerana tidak boleh bertolak ansur atas urusan masalah peribadi. Ada imam yang menjadi rendah diri kerana kurangnya hafalan surah-surah mudah di dalam Al-Quran dan ada juga imam sememangnya seorang yang pemalas.

Penutup

Adat berorganisasi pastinya mempunyai masalah dan tidak terlepas cabaran dan ujian begitujuga bagi sesebuah masjid. Masjid terbaik di Malaysia telah dinobatkan adalah Masjid Taman Temerloh pada tahun 2020 dan boleh dijadikan contoh terbaik pada hari ini. Cabaran hidup beragama hari ini bukan sahaja mengajak penduduk kampung khususnya lelaki untuk datang berjemaah di masjid tetapi bagi merancang dan mengisi program masjid itu sendiri juga banyak cabarannya. Badan berwajib terhadap hal ehwal masjid sepatutnya juga memainkan peranan bersama dalam mengatasi masalah seperti ini.

Wallahualam

Rujukan

AmirNordin, (2021, Mac 13). Masjid Temerloh Jaya Terbaik seluruh Malaysia-Sahih
.http://sahih.com.my/masjid-temerloh-jaya-terbaik-seluruh-malaysia/

Mohamad Jasni Majed. (2008, July 18). Memperluaskan peranan masjid.
.http://www.utusan.com.my

Wan Marzuki Wan Ramli. (2006, January 31). Peranan masjid dalam Masyarakat Islam. Utusan Malaysia.
http://www.utusan.com.my

